

DAP tidak akan sokong Pas
Utusan Online
07 Mei, 2012
Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA

KUALA LUMPUR 6 Mei - DAP tidak akan sesekali menyokong Pas untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menjadikan Islam sebagai addin atau cara hidup walaupun pakatan pembangkang menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Bekas Naib Presiden Pas, Datuk Nakhaei Ahmad berkata, agak sukar bagi parti itu meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan agama Islam jika tidak mendapat sokongan DAP ataupun Parti Keadilan Rakyat (PKR).'

"Kalaupun Pas mahu pinda, dia kena ada majoriti dua pertiga. Tetapi masalahnya Pas mahu bertanding di 60 kerusi sahaja, mana boleh dia dapat majoriti sebanyak itu melainkan disokong DAP dan PKR. Persoalannya adakah DAP hendak sokong?," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang baru-baru ini yang berkata, pakatan pembangkang akan meminda Perlembagaan Persekutuan yang ketika ini meletakkan Islam sebagai agama rasmi kepada Islam sebagai addin, iaitu yang merangkumi seluruh kehidupan manusia sekiranya menang pada pilihan raya itu nanti.

Menurut Abdul Hadi, Perlembagaan Persekutuan sekarang dirangka oleh orang bukan Islam yang mempunyai ideologi dan teori manusia yang tidak adil kepada umat Islam.

Presiden Pas itu bagaimanapun hari ini menafikan beliau mengeluarkan kenyataan berhubung cadangan meminda Perlembagaan tersebut.

Nakhaei berkata, jikapun Pas berjaya meminda Perlembagaan Persekutuan seperti yang dirancang, ia hanya diibaratkan seperti 'tikus membaiki labu'.

"Nampaknya, Abdul Hadi tidak faham peruntukan sedia ada sekarang ini yang sudahpun merangkumi Islam sebagai cara hidup. Islam itu agama rasmi negara dan ia sudah jadi cara hidup. Itu sudah cukup. Kalau dia hendak ubah dengan memasukkan Islam sebagai addin sahaja, itu tidak membawa makna apa-apa," katanya.

Beliau berkata, kenyataan Abdul Hadi itu juga hanyalah sebagai gimik politik Pas semata-mata bagi menarik perhatian orang ramai.

Sementara itu, Pensyarah Undang-Undang di Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Rusniah Ahmad berkata, Pas tidak boleh menganggap semua ahli Parlimen termasuk daripada pakatan pembangkang akan bersetuju dengan cadangan pindaan itu.

Katanya, pindaan tersebut juga akan memberi impak besar kepada keseluruhan rakyat Malaysia yang bukan semuanya beragama Islam.

"Perlembagaan memayungi undang-undang, jadi pindaan seperti itu akan memberi implikasi besar kepada keseluruhan rakyat Malaysia. DAP juga kemungkinan besar tidak akan setuju," katanya.

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0507&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm